




**Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)**  
**Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)**  
No. Telefon: 03-80642400  
No. Fax: 03-80635420  
E-mel: [ndcc@nadma.gov.my](mailto:ndcc@nadma.gov.my); [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my)

## NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA (KEMASKINI)



Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada **21:00 malam, 26 Februari 2022** telah mengemaskini **Amaran Cuaca Berterusan Buruk (Jingga) Amaran Cuaca Berterusan Waspada (Kuning) dan Amaran Bahaya (Merah)** seperti yang dipaparkan di atas.

Sehubungan dengan itu, **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah hendaklah diaktifkan** serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap pusat pemindahan dilengkapi dengan keperluan asas dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mempunyai segala aset pengoperasian yang mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan. **Semua Pusat Operasi/Kawalan Bencana**

**Peringkat Pusat hendaklah memanjangkan Notis ini ke peringkat Negeri dan Daerah.**

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) akan sentiasa memantau situasi parameter maklumat teknikal dengan kerjasama pelbagai agensi teknikal. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat bencana, bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari semasa ke semasa melalui nombor telefon **03-80642400**, faksimili **03-80635420** dan alamat e-mel [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my).

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)  
Jabatan Perdana Menteri  
**26 Februari 2022**